



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 1 MAC 2022**


| <b>BIL</b>   | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>             |
|--|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.                                       | MAFI PANTAU KESAN KRISIS RUSSIA-UKRAINE TERHADAP AGROMAKANAN, BH -ONLINE<br>MAFI BANTU PERMUDAH URUSAN BIROKRASI DIHADAPI PENTERNAK, UM - ONLINE<br>AKTA KHUSUS PENGELUARAN ANAK AYAM PERLU DIKUATKUASAKAN - RONALD, KOSMO -ONLIN   | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4.   | FAMA FORECASTS 10% INCREASE IN SALES AT FARMERS MARKETS, NEWS, THE STAR -4  | LEMBAGA PEMASARN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)     |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.                           | NAFAS METERAI MOU BERNILAI RM100 JUTA DI DUBAI, SH -ONLINE<br>NAFAS METERAI MOU BERNILAI RM100 JUTA DI DUBAI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE<br>NATIONAL FARMERS ORGANIZATION SIGNS MOU WITH DUBAI FIRM, BORNEO POST (KK) -ONLINE<br>NAFAS METERAI MOU RM100J DI DUBAI, NIAGA, KOSMO -37<br>NAFAS-ANGKASA BANTU ISU HARGA NAIK, NEGARA, KOSMO -16  | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)            |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | DEAD FISH MYSTERY, NEWS/NATION, NST -8<br>NELAYAN NEGERI SEMBILAN TERIMA LESEN SAMPAN KHAS, KOMUNITI KITA, UM -33<br>BANJIR: 40 HEKTAR PADI MASAK TIDAK SEMPAT DITUAI, DALAM NEGERI, UM -30<br>JOHOR TANI AGENDA LIBATKAN PENYERTAAN ANAK MUDA, DALAM NEGERI, UM -6<br>TERENGGANU AKTIFKAN TABUNG BENCANA PERTANIAN, NEGERI TERENGGANU, SH -23<br>PENTERNAKAN UDANG GALAH JANA PULANGAN LUMAYAN, GAYA TANI, UM -21<br>'RUGI ITU ADAT BERNIAGA', GAYA TANI, UM -22<br>PROGRAM JUALAN PRIHATIN RAKYAT SELANGOR, NASIONAL, SH -7 | LAIN-LAIN   |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 1/9/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE  |            |

## MAFI pantau kesan krisis Russia-Ukraine terhadap agromakanan negara



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

HULU SELANGOR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memantau kesan krisis antara Russia dan Ukraine terhadap sektor agromakanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ini kerana Malaysia mempunyai kebergantungan terhadap barangan dikeluarkan negara terbabit dan sebarang krisis sudah tentu mengakibatkan

kesan besar terhadap industri agromakanan.

Beliau berkata, jika krisis itu berpanjangan, kerajaan tidak menolak untuk melaksanakan langkah alternatif termasuk menggalakkan penggunaan baja organik dalam sektor pertanian bagi menggantikan baja kimia.

Ini katanya, selepas mengambil kira bahawa Russia antara pengeluar baja utama dunia.

"Kami akan meneliti perkara itu, malah kami sudah mempromosikan penggunaan baja organik di samping baja kimia yang ada.

"Industri baja organik juga berkembang di negara ini dan mampu mengeluarkan pelbagai jenama untuk kegunaan dalam sektor pertanian," katanya kepada pemberita selepas melawat ladang penternak ayam penelur dan ayam pedaging di sini hari ini.

Ronald juga berpendapat kenaikan harga makanan haiwan ternakan yang menjejaskan pengeluaran ayam dan telur baru-baru ini menonjolkan keperluan Malaysia untuk memiliki dasar baharu iaitu menggalakkan penanaman jagung dalam industri pertanian.

Beliau berkata, ini langkah jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap pengimportan makanan haiwan ternakan dari luar seperti Argentina dan Brazil.

Ketika ini, kerajaan memberikan subsidi RM528.52 juta kepada industri ternakan ayam bagi membantu pengusaha menanggung kos pengeluaran susulan peningkatan harga makanan haiwan ternakan itu.

"Subsidi ini akan diberi untuk tempoh empat bulan dan selepas itu, kerajaan akan kaji sama ada ia disambung atau dihentikan," katanya.

Pengumuman pemberian subsidi pada awal Februari itu adalah sebanyak 60 sen bagi setiap kilogram kepada penternak ayam pedaging serta lima sen sebiji kepada pengeluar telur dan permohonan untuk mendapatkannya dibuka mulai hari ini hingga 6 Jun depan. – BERNAMA

| TARIKH   | MEDIA              | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|---------|------------|
| 1/3/2022 | UTUSAN<br>MALAYSIA | ONLINE  |            |

## MAFI bantu permudah urusan birokrasi dihadapi penternak



RONALD Kiandee (kanan) melihat sebahagian telur yang telah siap dipek untuk dipasarkan ketika melawat Ladang Ayam Telur Selasih Aman yang terletak di Kalumpang, Hulu Selangor, Selangor, hari ini. - UTUSAN / MUHAMAD IQBAL ROSLI

HULU SELANGOR: [Kementerian Pertanian dan Industri Makanan](#) (MAFI) menyatakan komitmen untuk membantu penternak yang menghadapi masalah berkaitan pengurusan ladang yang

berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ini kerana terdapat keluhan daripada penternak dari setiap negeri yang berhadapan dengan masalah pematuhan kepada perautaran-peraturan PBT yang berbeza-beza mengikut kawasan.

Menurut menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, pihaknya akan berbincang dengan pelbagai kementerian berkaitan termasuk Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, hal demikian turut memberi kesan kepada pengeluaran ayam dan telur dalam negara apabila beberapa syarat daripada PBT gagal dipenuhi selain terpaksa menanggung kos tinggi.

“Juga beberapa isu yang melibatkan PBT seperti Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) dalam sektor ini yang bukan sahaja tertakluk kepada MAFI, tetapi perlu perbincangan lebih lanjut bersama dengan kementerian lain terutama melibatkan kerajaan tempatan.

“Kita mendengar keluhan dan juga beberapa isu yang dikemukakan oleh pemain industri, MAFI akan mengangkat masalah ini bagi kepentingan industri penternakan keseluruhannya,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di ladang penternak ayam penelur dan pedaging di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam lawatan tersebut adalah Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Dr. Suratan Kamarudin; Pengarah Perkhidmatan Veterinar Selangor, Dr. Hassuzana Khalil dan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin.

Beliau menambah, beliau turut mendengar keluhan daripada penternak yang sukar mendapatkan pinjaman bagi menyokong perusahaan penternakan terutama melibatkan pengusaha berskala kecil.

“Beberapa isu daripada pemain dalam industri ayam penelur disuarakan seperti perlu dipercepatkan proses mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan yang menawarkan pinjaman dalam sektor agro makanan,” jelasnya.

Terdahulu, Idrus ketika dalam pertemuan bersama Ronald menyuarakan beberapa masalah dihadapi penternak khususnya mereka yang baharu menceburi bidang tersebut apabila terpaksa berhadapan dengan kos pengurusan mahal.

“Setiap kawasan berhadapan dengan situasi berbeza-beza mengikut dasar PBT masing-masing. Sebagai contoh di Selangor, penternak baharu perlu menanggung kos untuk mendapatkan KM dan PB dengan kos antara RM25,000 hingga RM40,000.

“Situasi berkenaan akhirnya menekan bukan sahaja penternak baharu, malah mereka yang belum mendapatkan kebenaran daripada PBT untuk beroperasi. Disebabkan itu juga terdapat pengusaha yang akhirnya menutup perniagaan mereka,” ujarnya. –UTUSAN ONLINE

| TARIKH   | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 1/3/2022 | KOSMO | ONLINE  |            |

## Akta khusus pengeluaran anak ayam perlu dikuatkuasakan – Ronald



Datuk Seri Ronald Kiandee (kanan) melihat sebahagian telur yang telah siap dipek untuk dipasarkan ketika mengadakan lawatan ke Ladang Ayam Telur Selasih Aman yang terletak di Kalumpang di sini, hari ini. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

**HULU SELANGOR** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggesa kerajaan untuk mewujudkan akta khusus bagi memastikan pengeluaran anak ayam dan makanan kepada penternak lebih berkualiti.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, akta itu perlu diwujudkan kerana kualiti baka anak ayam dan makanan tidak memuaskan selain kos import dedak semakin tinggi.

“Kapasiti pengeluaran ayam negara tidak mencukupi beberapa minggu ini sehingga kita terpaksa membawa masuk ayam beku dari negara luar.

“Hal ini kerana beberapa faktor yang menyebabkan kapasiti pengeluaran dilakukan dalam kalangan penternak sehingga pengeluaran ayam negara tidak mencukupi.

“Tindakan intervensi dibuat kerajaan adalah untuk menampung kos pengeluaran terutama harga dedak iaitu jagung dan kacang soya yang mendadak tinggi harganya,” katanya ketika sidang akhbar di Ladang Haji Idrus, di sini hari ini.


Susulan itu, Ronald juga menegaskan penghasilan penanaman dedak tempatan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan beban kepada syarikat pengeluaran ayam.

“Kita bergantung sepenuhnya kepada pengimportan dedak, peningkatan kos import bahan akan memberi kesan kepada industri ternakan negara.

“Kita perlu mengubah dan mengkaji semula dasar sedia ada untuk tidak bergantung kepada pengimportan dedak sekaligus mengurangkan bebanan kepada industri ternakan negara,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE.



# Fama forecasts 10% increase in sales at farmers markets



The MyRakyat programme allows farmers to directly sell their produce to consumers. — Filepic

THE Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has forecast a 10% increase in the value and quantity of sales in Johor this year through its MyRakyat farmers market programme.

Fama deputy director-general (operations) Abdul Rashid Bahri said MyRakyat was one of the agency's efforts in diversifying outlets for entrepreneurs.

"It is to assist agro-food entrepreneurs, contract farming participants and agro-based food industry entrepreneurs to market and sell fresh produce to the local community," he said in a statement.

Abdul Rashid said in 2021, 115 participants in the MyRakyat programme in Johor, which was implemented in four locations, recorded RM279,704 in sales.

MyRakyat is implemented in collaboration with the Agriculture and Food Industries Ministry.

He also cited the Pagoh

Agrobazaar in Muar which saw an increase in sales to RM911,807 last year, compared to RM387,936 in 2020.

Until Jan 31 this year, RM31,820 in sales had been recorded.

Abdul Rashid said other programmes benefiting consumers were direct sales from farms and factories, offering quality goods and fresh groceries.

"The pandemic has presented new challenges to entrepreneurs, producers and consumers, in the forms of distribution, cancellation of orders and Covid-19 cases.

"The ministry, through Fama, has intensified marketing activities at current outlets as well as enhanced opportunities for producers, farmers and entrepreneurs," he said.

Abdul Rashid added that the programme would help foster ties between entrepreneurs and consumers besides reducing the cost of living. — Bernama

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 1/3/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE  |            |

## Nafas meterai MoU bernilai RM100 juta di Dubai



Entri (kiri, barisan hadapan) bertukar dokumen dengan Shahab (kanan, barisan hadapan) pada majlis MoU antara Nafas dan ARJ Holding yang diadakan di Dubai, baru-baru ini.

SHAH ALAM - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai RM100 juta bersama ARJ Holding L.L.C (ARJ Holding), salah satu syarikat yang terbesar berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk

mengadakan usaha sama dalam perniagaan ternakan ruminan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos dari bahan biomas.

Majlis menandatangani MoU yang diadakan di Dubai, UAE disempurnakan Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Sylvester Entri Muran manakala ARJ Holding pula diwakili Presiden Kumpulannya, Shahab Ahmed Ramadhan Juma.

Turut menyaksikan perjanjian ini ialah Ahli Jemaah Pengarah Nafas merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Nafas, Mohammad Bahrin Abd Karim.



Hadir sama Kaunselor Pejabat Perwakilan Pertanian (Dubai UAE), Mohd Zahirul Naqi Shoaib; Pengurus Kanan Pengurusan Perniagaan; Baharozaman Mohid dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Promosi, Mohammad Fauzie Tamin.

Mengulas lanjut mengenai MoU berkenaan, Entri berkata, kerjasama itu antara lain dapat menjalinkan hubungan perniagaan bagi memacu pertanian lestari antara dua negara dan juga titik

permulaannya 'peluang perniagaan' secara besar-besaran melalui teknologi terkini.

"Nafas percaya kerjasama sebegini akan digunakan untuk faedah bersama ARJ Holding dan menyumbang kepada penambahbaikan aktiviti yang dipersetujui," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Entri berkata, Nafas dan ARJ Holding akan menyediakan pengaturcaraan terperinci dalam mengenal pasti tanggungjawab masing-masing untuk melaksanakan perjanjian yang terdiri daripada perbincangan, perancangan strategi pelaburan dan pelaksanaan aktiviti pelaburan selepas pemeteraian MoU ini.



Entri (lapan dari kanan) dan Shahab (tujuh dari kiri) bersama delegasi kedua-dua negara selepas memeterai MoU berkenaan yang diadakan di Dubai, baru-baru ini.



“Kedua-dua syarikat akan berusaha untuk membantu dan menyokong di antara satu sama lain untuk skop kerjasama MoU ini yang akan memberi manfaat bersama kedua-dua pihak dan Malaysia serta UAE.

“Nafas akan berusaha mengambil langkah bagi menggalakkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan meningkatkan sinergi antara kedua-dua pihak mengikut kesesuaian

semasa,” katanya.

Majlis pemeteraian MoU itu diadakan sempena minggu Pertanian Lestari Malaysia di Expo 2020 Dubai.

Ia adalah satu inisiatif penting yang akan memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari.

Pelbagai program menarik dianjurkan Nafas pada minggu berkenaan antaranya sesi ‘pocket talk’, ‘business matching’, sesi pengenalan produk Peladang dan demo masakan oleh Chef Rene.

Nafas berada di Dubai sempena Ekspo 2020 Dubai dari 20 Februari hingga 26 Februari di Pavilion Malaysia yang dihoskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.

01 MAR, 2022

## NAFAS meterai MoU bernilai RM100 juta di Dubai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### NAFAS meterai MoU bernilai RM100 juta di Dubai

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai RM100 juta bersama ARJ Holding L.L.C (ARJ Holding), iaitu antara syarikat terbesar berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Nafas dalam kenyataan hari ini memaklumkan MoU ditandatangani minggu lepas itu bertujuan bagi mengadakan usaha sama dalam bidang perikanan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos dari-pada bahan biomassa.

Ahli Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Syvester Entri Muran berkata, kerjasama itu antara lain dapat menjalin hubungan perniagaan bagi memacu pertanian lestari antara dua negara dan juga titik permulaannya 'peluang perniagaan' secara besar-besaran melalui teknologi terkini.

"Nafas percaya kerjasama sebegini akan digunakan untuk sedah bersama ARJ Holding dan menyumbang kepada penambahbaikan aktiviti yang dipersetujui," katanya.

Bellau berkata, NAFAS dan ARJ Holding akan menyediakan pengatur

an terperinci dalam mengenal pasti tanggungjawab masing-masing untuk melaksanakan perjanjian yang terdiri daripada perbincangan, perancangan strategi pelaburan dan pelaksanaan aktiviti pelaburan selepas pemeteraan MoU itu.

Entri berkata kedua-dua syarikat akan berusaha membantu dan menyokong satu sama lain untuk skop kerjasama MoU tersebut yang akan memberi manfaat bersama pihak terlibat serta kerajaan Malaysia dan UAE.

"NAFAS akan berusaha mengambil langkah bagi menggalakkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan meningkatkan sinergi antara kedua-dua pihak mengikut kesesuaian semasa," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan majlis menandatangani MoU yang diadakan di Dubai itu disempurnakan Entri mewakili NAFAS, manakala ARJ Holding oleh Presiden Kumpulannya, Shahab Ahmed Ramadhan Juma yang turut disaksikan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan NAFAS Mohammad Bahrin Abd Karim.

Turut hadir Kaunselor Pejabat Perwakilan Pertanian (Dubai UAE) Mohd Zahirul Naq Shoaib, Pengurus Kanan Pengurusan Perniagaan Baharozaman Mohid dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Promosi Mohammad Fauzie Tamin.

Menurut kenyataan itu, majlis pemeteraan MoU berkenaan diadakan bersempena minggu Pertanian Lestari Malaysia di Expo 2020 Dubai, dan ia merupakan satu inisiatif penting yang akan memacu serta meningkatkan peluang pelaburan selain kerjasama dalam pertanian lestari.

Pelbagai program menarik dianjurkan Nafas pada minggu berkenaan antaranya sesi pocket talk, business matching, sesi pengenalan produk Peladang serta demo masakan oleh Chef Rene.

Perwakilan NAFAS berada di Dubai sempena Ekspo 2020 Dubai dari 20 hingga 26 Februari di Pavilion Malaysia yang dihoskan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana. — Bernama



01 MAR, 2022

## NAFAS meterai MoU bernilai RM100 juta di Dubai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai RM100 juta bersama ARJ Holding L.L. C (ARJ Holding), iaitu antara syarikat terbesar berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Nafas dalam kenyataan hari ini memaklumkan MoU ditandatangani minggu lepas itu bertujuan bagi mengadakan usaha sama dalam bisnes ternakan ruminan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos daripada bahan biomass.



01 MAR, 2022

## National Farmers Organization signs MoU with Dubai firm

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

### National Farmers Organization signs MoU with Dubai firm

**KOTA KINABALU:** The National Farmers Organization (NAFAS) recently signed a Memorandum of Understanding with ARJ Holding L.L.C, a major company based in Dubai, UAE to enter into joint ventures in livestock business, cooking oil trading and cellulose manufacturing from biomass materials.

The MoU signing was conducted in Dubai last Saturday and the signatory for NAFAS was its director Datuk Sylvester Entri Muran while ARJ Holding was represented by its chairman Ahmad Sahab Ramadhan Juma.

Also in attendance to witness the signing ceremony was NAFAS director and chairman of its investment committee, Mohammad Bahrin Abd Karim.

Commenting on the MoU, Entri said the cooperation, among others, could establish business ties to drive sustainable agriculture between the two countries and also be the starting point for large-scale business opportunities through the latest technologies.

"NAFAS believes that such cooperation will be used for the mutual benefit of ARJ Holding and contribute to the improvement of the agreed activities," he said.

Entri said NAFAS and ARJ Holding will provide detailed arrangements in identifying their respective responsibilities



Entri (left) and Sahab signing the MoU witnessed by Mohd Bahrin (fifth from left).

to implement the agreement which consists of discussions, investment strategy planning as well as implementation of investment activities after the signing of the MoU.

"Both companies will strive to assist and support each other for the scope of cooperation of this MoU which will be mutually beneficial to both parties as well as Malaysia and the UAE.

"NAFAS will strive and take steps to encourage cooperation

in carrying out profitable investment activities and increase synergies between the two parties according to current suitability," he said.

The MoU signing ceremony was held in conjunction with Malaysia's Sustainable Agriculture Week at Expo 2020 Dubai which is an important initiative that will drive and enhance investment and cooperation opportunities in sustainable agriculture.

Various interesting programs

were organised by NAFAS during the week, including pocket talk sessions, business matching, farmer product introduction sessions and cooking demos by Chef Rene.

NAFAS was in Dubai in conjunction with the Dubai 2020 Expo from Feb 20- to 26 at the Malaysia Pavilion hosted by the Ministry of Agriculture and Food Industry with the Malaysian Bioeconomy Development Corporation as the implementing agency,





01 MAR, 2022

## National Farmers Organization signs MoU with Dubai firm

[Borneo Post \(KK\), Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA KINABALU: The National Farmers Organization (NAFAS) recently signed a Memorandum of Understanding with ARJ Holding L.L.C, a major company based in Dubai, UAE to enter into joint ventures in livestock business, cooking oil trading and cellulose manufacturing from biomass materials. The MoU signing was conducted in Dubai last Saturday and the signatory for NAFAS was its director Datuk Sylvester Entri Muran while ARJ Holding was represented by its chairman Ahmad Sahab Ramadhan Juma.

# Nafas meterai MoU RM100j di Dubai

**PETALING JAYA** – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM100 juta bersama ARJ Holding L.L.C. yang berpangkalan di Dubai.

Pemeteraian MoU tersebut adalah untuk kerjasama dalam perniagaan ternakan ruminan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos daripada bahan biojisim.

Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Sylvester Entri Muran berkata, kerjasama itu menandakan titik permulaan peluang perniagaan secara besar-besaran melalui teknologi bagi memacu pertanian lestari antara kedua-dua negara.

"Nafas percaya kerjasama sebegini akan digunakan untuk faedah bersama dan menyumbang kepada penambahbaikan aktiviti yang dipersetujui.

"Kami dan ARJ Holding akan menyediakan pengaturcaraan terperinci dalam mengenal pasti tanggungjawab masing-masing untuk melaksanakan perjanjian yang terdiri daripada perbin-

maah Pengarah Nafas merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Nafas, Mohammad Bahrin Abd Karim.

Selain itu, Entri Muran menerangkan, kerjasama tersebut adalah satu inisiatif penting yang dapat memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari.

Tambah beliau, pihaknya juga akan berusaha mengambil langkah bagi menggalakkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan meningkatkan sinergi antara kedua-dua pihak mengikut kesesuaian semasa.

Nafas berada di Ekspo 2020 Dubai dari 20 hingga 26 Februari lalu di Pavilion Malaysia yang dihoskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana.

Pelbagai program menarik dianjurkan Nafas termasuk sesi podcast talk, padanan perniagaan, pengenalan produk Peladang serta demo masakan oleh cef.



**ENTRI MURAN** (duduk, kiri) bersama **Shahab Ahmed** (duduk, kanan) memeterai MoU di Dubai baru-baru ini.

cangan, perancangan strategi pelaburan dan pelaksanaan aktiviti pelaburan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan

baru-baru ini.

Majlis menandatangani MoU diadakan di Dubai sempena Minggu Pertanian Lestari Malaysia di

Expo 2020 Dubai baru-baru ini.

Turut hadir Presiden Kumpulan ARJ Holdings, Shahab Ahmed Ramadan Juma serta Ahli Je-

Koperasi jalin kerjasama dalam aktiviti pemborongan dan runcit

# Nafas-Angkasa bantu isu harga naik

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

**KUANTAN** – Lapan juta ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan berganding bahu membantu kerajaan menangani isu kenaikan harga barangan keperluan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya kini dalam perbincangan bersama Nafas untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai aspek bagi tujuan berkenaan.

“Usaha ini dibuat selepas Perdana Menteri menyerahkan supaya gerakan koperasi dapat memainkan peranan dan terlibat dalam bidang pengeluaran termasuk pemborongan dan runcitan.

“Ta antara usaha untuk membantu kerajaan menangani kesan akibat kenaikan harga barang keperluan,” katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Menurut Abdul Fattah, Nafas



**ABDUL FATTAH (kanan) dan Zamri ketika sidang akhbar di PASFA, Kuantan semalam.**

memiliki 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dengan ahli hampir sejuta, manakala ahli koperasi pula hampir tujuh juta.

Katanya, antara perkara yang dibincangkan adalah untuk mengatur pengeluaran barangan keperluan seperti ayam, telur dan sayuran oleh ahli peladang menerusi koperasi.

Justeru katanya, kerjasama ini dilihat sedikit sebanyak membantu kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang dengan memecahkan monopoli orang tengah atau syarikat besar.

“Kita juga sudah mengenal pasti kira-kira 3,000 outlet yang dimiliki oleh koperasi yang akan kita gantikan sepenuhnya untuk menjual barangan keperluan yang dibekalkan peladang.

“Dengan menguasai rantaian bekalan, kita percaya isu kenaikan harga barang ini dapat dikurangkan,” katanya.

Sementara Zamri berkata, pihaknya berharap kerajaan dapat membantu memberikan kuota mengimport barangan keperluan kepada Nafas dan Angkasa supaya tidak berlaku ketirisan.

“Kami memiliki kemampuan dan jaringan masing-masing dalam menguruskan import dan dengan cara ini kita dapat memecah monopoli selain memastikan harga barang dapat dikawal.

“Selain itu, untuk jangka panjang, kita melihat kerjasama dengan pelabur asing serta pelaburan di negara jiran dalam mengeluarkan barangan keperluan,” ujarnya.



| TARIKH   | MEDIA | RUANGAN     | MUKA SURAT |
|----------|-------|-------------|------------|
| 1/3/2022 | NST   | NEWS/NATION | 8          |



## DEAD FISH MYSTERY

More than 500 fish were found dead in a pond in Taman Sahabat, Tabuan Height, Jalan Song in Kuching yesterday. According to a park keeper, it is the third time that this has happened at the pond in the recreational park. The fish comprised 'lampam jawa' and 'tilapia'. The cause of death has yet to be ascertained. PIC BY NADIM BOKHARI



|               |                 |                |                   |
|---------------|-----------------|----------------|-------------------|
| <b>TARIKH</b> | <b>MEDIA</b>    | <b>RUANGAN</b> | <b>MUKA SURAT</b> |
| 1/3/2022      | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA  | 33                |

## Nelayan Negeri Sembilan terima lesen sampan khas

SEBANYAK 14 lesen sampan khas telah disampaikan kepada nelayan Negeri Sembilan dalam Majlis Penyerahan Lesen Sampan Khas Fasa 2 Tahun 2021 yang telah diadakan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson.

Pada majlis tersebut, para nelayan telah diberikan penerangan tentang dasar dan prosedur pelesenan aktiviti menangkap ikan selain turut diberikan taklimat mengenai penyalahgunaan bahan-bahan terlarang.

Selain penyerahan buku lesen, nelayan juga diberikan jaket keselamatan sebagai peringatan untuk tidak leka dengan keselamatan diri sendiri semasa menjalankan aktiviti menangkap ikan di laut.



Majlis berkenaan telah dirasmikan oleh Pegawai Perikanan dari Bahagian

Perikanan Tangkapan dan Pelesenan, Jabatan Perikanan, Halimi Abu Hanip.

PARA nelayan menandatangani buku lesen sampan khas dan jaket keselamatan yang diterima

mereka pada Majlis Penyerahan Lesen Sampan Khas Fasa 2 Tahun 2021 baru-baru ini.

1/8/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

# Banjir: 40 hektar padi masak tidak sempat dituai



**PETANI** menunjukkan keadaan padi mereka yang rosak akibat ditenggelami banjir di Beris Chalok, Pasir Puteh, semalam. - UTUSAN/  
**TOREK SULONG**

**PASIR PUTEH:** Lebih 40 hektar padi masak yang diusahakan 100 pesawah di lima kampung, di sini mungkin rosak dan terbuang begitu sahaja jika air banjir yang bertakung dalam bendang tidak segera dialir keluar.

Jika itu berlaku, mereka mendakwa bakal menanggung kerugian sehingga RM400,000.

Antara bendang yang terlibat ialah Kampung Beris Chalok, Kampung Golok, Kampung Gong Manak, Kampung Telaga Papan dan Kampung Bukit Peraksi.

Pesawah dari Kampung Beris Chalok, Mat Nor Jusoh, 74, membentahu *Utusan Malaysia*, berdasarkan jadual, padi diusahakan dia dan rakan-rakan sepatutnya sedia untuk dituai bermula semalam.

Walau bagaimanapun, bujan

lebat sejak Sabtu lalu disusuli arus deras air bah menyebabkan pokok padi ditanam mereka habis ranap.

"Jika air terus bergenang, kami khawatir buah padi akan bercambah dan keadaan itu akan menyebabkan hasil kami tidak dapat dijual kepada pengilang.

"Jika tidak rosak atau bercambah sekali pun, hasil tuain itu tetap terpaksa dijual pada harga rendah kerana banyak pe-motongan akan dilakukakan pihak pengilang," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pesawah dari Kampung Bukit Peraksi, Dollah Mamat, 66, berkata, bendang kawasan itu bagaikan air laut sejak kelmarin dan bah kali ini menyaksikan hampir 80 peratus buah padi musnah.

Katanya, banjir kali ini adalah di luar jangka, sekali gus menyebabkan usaha petani menanam padi jenis MR219 dan CI.220 sejak tiga bulan lalu gagal mendapat pulangan sebagaimana musim sebelumnya.

"Apapun kami reda kerana bencana ini tidak dapat dielak. Kami cuma memohon bantuan disalurkan, paling tidak, modal pembelian benih atau kos pembajakan semula untuk musim penanaman akan datang," katanya.

Zainudin Hamzah, 53, dari bendang Gong Manak yang mengusahakan sawah sejauh lebih tiga hektar pula berkata, jentera petani sudah ditempatkan namun dalam keadaan air yang masih bertakung sedalam satu meter, tuain tidak dapat ditruskan.



1/3/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

6

# Johor Tani agenda libatkan penyertaan anak muda

**PARIT RAJA:** Johor Tani merupakan agenda terbesar di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) Johor yang diwujudkan sebagai pencetus pertumbuhan bagi mentransformasikan pertumbuhan sektor pertanian dan industri makanan negeri ini.

Calon BN Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja, Nor Rashidah Ramli berkata, usaha itu tepat pada masanya ketika dunia berdepan Covid-19 yang bukan sahaja mengurangkan keberuntungan makanan import tetapi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak muda.

Katanya, sebanyak RM51 juta diperuntukkan menerusi Be-

lanjawan Johor 2021, sekali gus menjadi keutamaan besar berbanding sektor-sektor lain.

"Menteri Besar Johor, Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad dalam tempoh pandemik telah melihat perkara-perkara baharu untuk anak muda antaranya mem-

perkasakan Agenda Tani.

"Dalam Belanjawan Negeri Johor diletakkan agenda ini sebagai nombor satu kerana mahu memberi peluang kepada anak muda dan juga melihat sektor ini amat penting. Kita di Johor berharap ini dapat merancang kan semula supaya tidak bergantung kepada import makanan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Agenda Tani merupakan

merealiskan matlamat dan usaha berkenaan.

Antara inisiatif berkenaan adalah Program Jaminan Bekalan Makanan apabila akan dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM6 juta melibatkan kawasan tanaman seluas 2,168 hektar.

Selain itu, sebanyak RM6 juta diperuntukkan bagi Program Peningkatan Hasil Padi di Luar Jelapang. Inisiatif lain turut membabitkan penerokaan pasaran baharu, pembangunan usahawan tani dan pemerksaan industri termakan daging dan ruminan.

Selain itu, Nor Rashidah berkata, agenda tersebut wajar diteruskan dengan memberi

peluang kepada BN untuk men-tadbir semula selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor kerana anak-anak muda kini amat memerlukan lebih banyak peluang menjana pendapatan.

Beliau sendiri mahu melihat anak muda di Parit Raja lebih ke hadapan dan disebabkan itu memerlukan Agenda Tani sebagai peluang terbaik untuk golongan tersebut.

"Oleh sebab itulah kerajaan pimpinan Datuk Seri Hasni melihat perkara-perkara baharu selepas pandemik Covid-19 dengan terus memperkaskan Agenda Tani yang dilihat mencetuskan satu perubahan besar untuk rakyat Johor," katanya.



**NOR RASHIDAH RAMLI**

antara 12 perkara utama dalam Belanjawan Johor 2021 yang menggariskan lima inisiatif bagi



| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN           | MUKA SURAT |
|----------|--------------|-------------------|------------|
| 1/3/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 23         |

## Terengganu aktifkan tabung bencana pertanian

**KUALA TERENGGANU** – Golongan petani, penternak dan nelayan yang terlibat dengan kerosakan tanaman serta haiwan ternakan akibat banjir boleh memohon bantuan daripada Tabung Bencana Pertanian Negeri Terengganu.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tabung melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta setahun itu sudah diaktifkan bagi membantu mereka.

Menurutnya, ribuan hektar tanaman seperti padi, tembikai dan perusahaan ikan sangkar dilaporkan musnah selepas kawasan pertanian serta penternakan diusahakan penduduk dilimpahi air banjir.

“Contohnya, saya sempat melihat kawasan kolam benih ikan siakap seluas 100 hektar yang diusahakan 80 penternak

akuakultur di Kampung Keluang, Besut ditenggelami air ekoran hujan lebat dan air pasang besar semalam (Ahad),” katanya di sini pada Isnin.

Azman berkata, permohonan tabung bencana pertanian perlu disertakan dengan gambar kejadian bencana, laporan polis dan dihantar kepada agensi terlibat sama ada Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Katanya, semua dokumen tersebut bukan bertujuan mahu menyusahkan pemohon tetapi sebaliknya sebagai rekod rasmi perbelanjaan tabung berkenaan.

“Tabung ini juga bukanlah bantuan ganti rugi tetapi sagu hati supaya petani, penternak dan nelayan yang terkesan dengan musibah mampu bangkit bertani dan memernak semula,” katanya.



Azman (tiga dari kanan) ketika meninjau kolam benih ikan siakap seluas 100 hektar yang diusahakan 80 penternak akuakultur di Kampung Keluang, Besut yang ditenggelami air ekoran hujan lebat dan air pasang besar.

SINAR HARIAN TERENGGANU

M/S: 23



MOHAMAD Izzudin Jizan (kiri) menunjukkan hasil ternakan udang galah yang dijaring dari kolam ternakannya di Kampung Merual, Seri Menanti, Kuala Pilah baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD SHAHJAHAN MAAMIN



## Penternakan udang galah jana pulangan lumayan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.isa@mediamula.com.my

**Bapa saudara mengusahakan 15 buah kolam ternakan udang galah. Dia meminta saya membuat satu kolam. Tak sangka selepas dapat hasil tuaian pertama, hasilnya amat lumayan."**

MOHAMAD IZZUDIN JIZAN

**S**EGALA-GALANYA bermula selepas bapa saudaranya mempelawa Mohamad Izzudin Jizan, menguruskan sebuah kolam ternakan udang galah sekitar 2010.

Siapa sangka dalam tempoh 12 tahun lalu, beliau kini berjaya membuka sebanyak 24 kolam ternakan, sekaligus menjadikan anak jati Seri Menanti, Kuala Pilah ini boleh dianggap sebagai antara pengusaha ternakan akuakultur berjaya di Negeri Sembilan.

Katanya, pulangan lumayan hasil ternakan udang galah telah membuka matanya bahawa bidang ternakan itu memiliki pulangan ekonomi yang baik.



**UDANG-UDANG** galah dipilih mengikut saiz. Udang galah yang masih kecil saiznya akan dilepaskan semula ke dalam kolam.

Tanpa banyak alasan dia juga sanggup membuka hampir setiap tahun sebuah sangkar.

"Bapa saudara mengusahakan 15 buah kolam ternakan udang galah. Dia

meminta saya membuat satu kolam. Tak sangka selepas dapat hasil tuaian pertama, hasilnya amat lumayan.

Itulah yang menaikkan semangat saya untuk serius

dalam bidang ternakan udang galah ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Kampung Merual, Seri Menanti, Kuala Pilah baru-baru ini.

Sekitar 2010, benih udang galah hanyalah sekitar lapan sen seekor.

"Sekiranya sebuah kolam ada 10,000 ekor, kosnya hanya sekitar RM800. Jika diambil kira-kira 30 peratus benih udang galah yang hidup, sewaktu tuaian selepas tempoh empat bulan setengah, kita boleh dapat sekurang-kurangnya dalam 80 kilogram.

"Harga udang galah hidup ketika ini adalah sekitar RM60 sehingga RM66 sekilogram," katanya yang menggunakan sepenuhnya sumber air bukit bagi kolam ternakannya itu.

Bersambung di muka 22





**MOHAMAD Izzudin Jizan meletakkan udang galah ke dalam Kolam Pancing Jidin Jenggo miliknya, terletak di Jalan Seremban-Kuala Pilah, Seremban.**

Dari muka 21

#### PASARAN SINGAPURA

Jejaka berusia 33 ini memberitahu, selain Lembah Klang, Singapura adalah pasaran utamanya.

Katanya pelanggan tempatan biasanya dalam kalangan pengusaha kolam pancing rekreasi sekitar Selangor dan Seremban manakala pelanggan dari Singapura kebanyakannya adalah peraih yang membeli dalam kuantiti besar.

"Peraih dari Singapura, akan datang dua kali seminggu untuk mendapatkan udang galah hidup bagi memenuhi

permintaan kolam pancing rekreasi dan restoran di negara itu.

"Setiap kali peraih datang, mereka memerlukan sehingga 500 kilogram. Malangnya kami hanya mampu menyediakan sekitar 120 hingga 150 kilogram sahaja.

"Selibuhnya mereka akan dapatkan daripada pengusaha-pengusaha yang lain," katanya yang memberi pemahaman ternakan udang galah tidak berdepan masalah pasaran, berikutan permintaan tinggi daripada pelanggan.

#### TINGKAT PENGELUARAN

Menerusi penggunaan teknologi termasuk menggunakan kincir air Mohamad Izzudin, yakin mampu untuk meningkatkan pengeluaran ternakan udang galah kerana peralatan itu mampu meningkatkan peratusan udang galah untuk hidup.

"Ketika ini jumlah benih udang galah yang hidup dalam 30 peratus sahaja. Satu kolam ada kira-kira 20,000 ekor benih, apabila dituai boleh dapat sekurang-kurangnya 140 kilogram tetapi apabila ada paddle wheel

untuk sumber oksigen, kita boleh dapat dua kali ganda daripada jumlah

itu," katanya penuh yakin.

## 'Rugi itu adat berniaga'

**WALAU**PUN ternakan udang galah memberikan pulangan yang lumayan, Mohamad Izzudin memberitahu, seperti pengusaha dan peniaga lain, dia juga tidak terlepas daripada mengalami masalah termasuk kerugian.

Paling memberi kesan terhadap dirinya malahan kepada pengusaha-pengusaha yang lain sudah tentulah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan Covid-19.

Menjelaskan situasi itu, katanya, udang galah yang diternak akan dipasarkan secara hidup-hidup kepada pelanggan namun sewaktu PKP dilaksanakan hampir semua sektor tidak beroperasi, termasuk restoran dan kolam pancing.

"Kerugian saya mencatatkan puluhan ribu ringgit kerana hasil udang galah yang sudah sedia untuk dijual tetapi tidak boleh dipasarkan kerana tiada permintaan. Bayangkan empat bulan setengah udang boleh dituai, namun kerana tiada permintaan, udang berada dalam kolam selama sembilan bulan.

"Apabila tidak dapat jual, sudah tentu saya terpaksa tampung kos-kos lain seperti makanan. Bagi mengurangkan kerugian, saya mengambil tempahan daripada orang-orang kampung dan kawan-kawan di taman perumahan, tetapi



**...pelanggan dari Singapura kebanyakannya adalah peraih yang membeli dalam kuantiti besar."**

bukan selalu ada tempahan kerana udang galah ini mahal, pasar pun tidak berani ambil kerana disebabkan harganya itu," katanya.

Dalam pada itu, menurut Mohamad Izzudin, ketika pengusaha-pengusaha ternakan udang galah berdepan cabaran PKP, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan tampil banyak membantu.

"Jabatan Perikanan negeri dan daerah banyak beri sokongan dan bantuan seperti pemberian benih dan pallet serta bantuan paddle wheel, sedikit sebanyak ia membantu mengurangkan kos operasi kami," katanya.

Meskipun permintaan udang galah hari semakin pulih, kesan daripada PKP masih lagi terasa sehinggakan ramai dalam kalangan pengusaha tidak mampu lagi untuk meneruskan ternakan udang galah mereka.

"Ramai dalam kalangan rakan-rakan pengusaha sudah mengalah, tidak

boleh teruskan lagi ditambah ketika ini berlaku kenaikan harga pallet sejak pelaksanaan PKP lalu," katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Izzudin memberitahu, bagi meningkatkan pendapatan dan sebagai langkah berjajaga sekiranya berulang lagi PKP, dia membuka sebuah kolam memancing udang galah di Jalan Seremban-Kuala Pilah sejak beberapa bulan lalu.

"Saya mahu peibagaikan cabang perniagaan, lagipun kami ada kolam ternakan sendiri. Selain itu ia juga sebagai langkah persediaan bimbang berlaku lagi PKP, jualan udang galah hidup di pasaran pasti akan terkesan," katanya yang turut mengusahakan ternakan ikan tilapia.

Setakat sebulan beroperasi, sambutan menggalakkan daripada kaid pancing udang sehingga boleh mencecah 30 orang pengunjung sehari. Pembukaan kolam pancing itu turut membantu rakan-rakan Mohamad Izzudin yang turut mengusahakan ternakan udang galah.

"Saya beli daripada mereka untuk dimasukkan ke dalam kolam pancing saya," katanya.

Kolam Pancing Jidin Jenggo mengenakan bayaran RM20 bagi tempoh masa satu jam, RM50 bagi tiga jam manakala RM90 bagi lima jam.



**TUGAS** menjaring dalam kolam ternakan udang galah memerlukan tenaga empat hingga enam orang pekerja.



**MOHAMAD IZZUDIN JIZAN**



PKPS, kerajaan negeri jelajah 64 kawasan di Selangor tawar barangan harga berpatutan

Oleh: MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

## Program Jualan Prihatin Rakyat Selangor

**P**rogram Jualan Prihatin Rakyat Selangor dijangka diadakan di 64 kawasan di seluruh negeri ini dalam usaha mengurangkan beban rakyat yang dihimpit dengan kenaikan harga barang.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian Negeri, Ir Izham Hashim berkata, program itu sudah dikenal pasti dan pelaksanaan bermula di Sabak Bernam pada Sabtu.

Menurutnya, program jualan itu dijangka akan berlangsung setiap Sabtu dan Ahad sehingga Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

"Program ini tidak mustahil akan diperluaskan dari semasa ke semasa di seluruh Selangor jika mendapat permintaan daripada rakyat," katanya pada sidang akhbar selepas Perasmian Program Jualan Prihatin Rakyat Selangor di Balai Rakyat, Taman Berjaya, di sini pada Ahad.

Izham berkata, pelbagai barangan keperluan harian ditawarkan dengan harga berpatutan seperti ayam, ikan dan telur.

"Kami menyasarkan sebanyak 150 ekor ayam, 50 kilogram (kg) daging dan 100 papan telur dijual pada setiap siri jelajah program ini."

"Program ini menawarkan harga ayam

jauh lebih murah. Seekor ayam dijual pada harga RM12 berbanding di pasaran luar yang dijual RM15 seekor atau lebih tinggi," katanya.

Beliau memberitahu, program itu bukan sahaja memberi kelebihan kepada orang ramai

**Program ini tidak mustahil akan diperluaskan dari semasa ke semasa di seluruh Selangor jika mendapat permintaan daripada rakyat.**

mendapatkan harga murah tetapi membantu peniaga atau warga tani memasarkan produk masing-masing.

Menurutnya, pembeli akan mendapat harga yang rendah dengan kualiti barangan terbaik, manakala golongan peniaga dapat meningkatkan pendapatan.

Katanya, semua pihak mendapat

keuntungan hasil daripada jualan prihatin itu dan ia secara tidak langsung membolehkan rakyat menyimpan wang untuk perbelanjaan lain.

"Kerajaan negeri amat prihatin soal membantu rakyat yang terbeban dengan kenaikan harga barang yang tinggi.

"Kita berharap program ini dapat membantu kelangsungan hidup rakyat dalam situasi harga barang yang dilaporkan kian meningkat," jelasnya.

### Harga rendah

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, program jualan itu menawarkan harga barang yang lebih rendah berbanding harga di pasaran.

Jelas beliau, PKPS menyertai jelajah anjuran kerajaan negeri bagi membolehkan rakyat di negeri ini menikmati harga terendah.

"Sudah tentu kita ingin menawarkan harga berpatutan pada masa ini selaras dengan kehendak kerajaan negeri untuk membantu rakyat," ujarnya.

Mengulas mengenai stok bekalan barangan yang dijual sepanjang penganjuran jualan ini, Mohamad Khairil memberitahu, PKPS tidak berdepan masalah kerana produk dihasilkan dari ladang dan bekerjasama baik dengan pihak lain.

"Kami mampu menghasilkan sebanyak 530,000 ekor ayam dalam tempoh 32 hari dan dari segi pasaran kita tiada masalah.

"Begitu juga dengan bekalan ikan, kita bekerjasama dengan Lembaga Kemahiran Ikan Malaysia (LKIM) bagi mendapatkan bekalan," ujarnya.

Jelasnya, sebanyak 10 tan metrik bekalan ikan dijangka dijual dalam siri jelajah itu.

Pihaknya menggerakkan lori ke tempat jualan di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM)



Mohamad Khairil (dua dari kanan) mengiringi Izham (kanan) mengodarkan risalah pada Program Jualan Prihatin Rakyat Selangor di Balai Rakyat, Taman Berjaya di sini pada Ahad.



Izham (depan, kanan) turut mempromosikan ayam yang dijual pada Program Jualan Prihatin Rakyat.



Peniaga turut mengambil potu yang merakam gambar bersama Izham (kiri) semasa Program Jualan Prihatin Rakyat.

### REAKSI RAKYAT



**F** Harga barangan yang ditawarkan pada jualan prihatin amat berpatutan misalnya ikan kembung hanya

berharga RM15 sekilogram berbanding RM20 sekilogram di tempat lain. Kita harap jualan ini diperluas dan diteruskan pada masa akan datang."

- Pekerja swasta, Amira Syahira Mohd Rizal, 26.



**F** Saya terkejut juga apabila daging dijual pada harga RM39 sekilogram berbanding lebih RM45 sekilogram di pasaran.

Alhamdulillah penduduk di Sabak Bernam beruntung kerana dapat membeli pada harga jauh lebih rendah bagi mengurangkan bebanan terutama berdepan dengan kenaikan harga barang."

- Peniaga, Khalifah Amiruddin, 63.